# 200 mahasiswa USIM sertai program Tautan Mahabbah

**Komuniti Kita**

Gambar dan berita yang disiarkan dalam *Komuniti Kita* kini boleh diakses di laman web *www.kosmo.com.my.*

**MOTIVASI.** Seramai 200 mahasiswa jurusan komunikasi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah menyertai program Tautan Mahabbah yang diadakan di Kem Alang Sendayu, Gombak, Selangor baru-baru ini.

Pensyarah yang juga penyelaras program berkenaan, Rosninawati Hussin berkata, program tersebut bukan sahaja memberi peluang kepada pelajar terlibat mengeratkan hubungan sesama mereka tetapi juga mengasah bakat dalam komunikasi, kepimpinan dan pengurusan.

"Program ini juga secara tidak langsung telah menjadikan mereka semakin peka dengan persekitaran baharu khususnya semasa menjalankan aktiviti perkhemahan di kem ini," katanya.



**SEBAHAGIAN daripada 200 mahasiswa USIM yang menyertai program perkhemahan Tautan Mahabbah di Kem Alang Sendayu, Gombak, Selangor baru-baru ini.**